

NAMA ..... TINGKATAN .....

**MODUL PINTAS 2024**  
**TINGKATAN 5**

**1103/1**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

2 jam

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua bahagian**: **Bahagian A dan Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

### Bahagian A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.*

Petikan, jadual dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan rasuah.

Berdasarkan maklumat tersebut,uraikan pendapat anda tentang rasuah.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.


“Rasuah ialah penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun dan lain-lain.”

Perbandingan Skor Indeks Persepsi Rasuah Beberapa Buah Negara ASEAN 2020-2023

NEGARA/TAHUN	2020	2021	2022	2023
SINGAPURA	83	85	83	83
MALAYSIA	51	48	47	50
INDONESIA	37	38	34	34
THAILAND	36	35	36	35
VIETNAM	36	39	42	41
LAOS	29	30	31	28

Skor 100 (paling bersih) hingga skor 0 (paling korup)

Sumber: Transparency International



**Bahagian B**

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Remaja kini seolah-olah begitu selesa berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang kurang sopan dan tidak berhemah di tempat awam dan media sosial. Penggunaan bahasa yang kurang sopan ini disebabkan oleh anak-anak tidak mendapat didikan tentang cara berkomunikasi yang sesuai di rumah. Selain itu, pengaruh besar media sosial dan rakan sebaya dalam kehidupan remaja turut mempengaruhi cara mereka berkomunikasi.

Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/>

Berdasarkan petikan di atas, hurlaikan punca-punca masalah ini berlaku.

2

Seni pertahanan diri seperti silat, wusyu dan silambam merupakan satu kesenian yang diwarisi sejak turun-temurun untuk membolehkan seseorang mempertahankan diri daripada serangan musuh. Usaha mempelajari seni pertahanan diri amatlah digalakkan kerana dapat melindungi keselamatan diri daripada marabahaya. Selain itu, pelibatan dalam seni pertahanan diri juga dapat meningkatkan aspek kecergasan fizikal dan mendisiplinkan diri sendiri.

Sumber: [www.dewanmasyarakat.jendeladb.my](http://www.dewanmasyarakat.jendeladb.my)

Berdasarkan petikan di atas, hurlaikan kebaikan-kebaikan mempelajari seni tersebut.

**3**

Belakangan ini, banyak tajuk akhbar yang memaparkan berita mengenai masalah sosial seperti pembuangan bayi, penyalahgunaan dadah dan lumba haram yang berlaku di negara ini. Oleh sebab itu, pendidikan dan pencegahan perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk membendung masalah sosial ini.

Sumber: keluargabahagia.my

Sebagai respons kepada petikan di atas,uraikan langkah-langkah untuk membendung masalah tersebut.

**4**

Pada tahun 2021, hanya sekitar 15 peratus daripada 1.4 juta belia di negara ini yang terlibat dalam bidang pertanian. Hal ini memberikan gambaran seolah-olah golongan muda masih kurang berminat dalam sektor tersebut. Hakikatnya, pelibatan belia dalam bidang pertanian boleh mengurangkan kadar pengangguran belia di negara ini.

Sumber: <https://ipsas.upm.edu.my/>

Pada pendapat anda, selain kepentingan yang dinyatakan dalam petikan di atas, apakah kepentingan-kepentingan lain pelibatan belia dalam sektor ini?

### KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT